



KEMENTERIAN SUMBER ASLI  
DAN KELESTARIAN ALAM

## **SIARAN MEDIA**

### **PELIHARA HUTAN SABAH: NRES SALUR DANA RM29.9 JUTA TAHUN INI**

---

Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) memperuntukkan dana sebanyak RM29.94 juta sepanjang tahun ini kepada Sabah untuk terus menyokong pemuliharaan hutan di negeri itu.

Dana terbabit diperuntukkan menerusi dua fasa iaitu RM22 juta pada Februari lalu dan lebih RM7.94 yang disalurkan sempena sambutan Hari Hutan Antarabangsa Peringkat Kebangsaan 2026.

Menterinya, Dato' Sri Arthur Joseph Kurup berkata, peruntukan itu mampu memperkukuh pengurusan hutan di negeri berkenaan.

Katanya, ia sekaligus dapat meningkatkan infrastruktur ekopelancongan, memperkasa konservasi biodiversiti dan memacu agenda pendigitalan dalam sektor perhutanan.

Sabah sudah menerima peruntukan Insentif Kewangan bagi Konservasi Biodiversiti dan Hutan (EFT) berjumlah lebih RM126 juta bagi tempoh 2019 hingga 2025. Untuk tahun 2026 pula, penyaluran pertama (EFT) berjumlah lebih RM22 juta sudah disalurkan kepada Sabah pada minggu pertama Februari lepas," katanya.

EFT adalah dana disalurkan Kerajaan Persekutuan untuk membolehkan pentadbiran negeri mengenal pasti dan melaksanakan projek berimpak tinggi untuk tujuan konservasi, sekali gus melindungi kawasan hutan dengan kerjasama jabatan perhutanan negeri.

Beliau berkata demikian ketika berucap di Sambutan Hari Hutan Antarabangsa Peringkat Kebangsaan 2026 bertemakan Hutan dan Ekonomi di Dataran Pekan Sook di sini.

Majlis Perasmian tersebut telah disempurnakan Ketua Menteri Sabah, YAB Datuk Seri Panglima Haji Hajiji Haji Noor.

**SIARAN SERTA MERTA**  
**NRES.100-9/1/2 (19 )**

Hari Hutan Antarabangsa diraikan setiap tahun bertujuan meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai kepentingan hutan. Malah, ia bagi menggalakkan usaha pemeliharaan dan pemuliharaan sumber hutan demi kesejahteraan masyarakat serta kestabilan ekosistem alam sekitar.

Pengiktirafan antarabangsa yang diterima Sabah membuktikan keupayaan negeri dalam mengimbangi pemuliharaan hutan dan pembangunan ekonomi mampan. Kejayaan utama merangkumi pengiktirafan Kinabatangan sebagai Tapak Rizab Biosfera UNESCO pada 27 September 2025, selain keberhasilan Banjaran Crocker mengekalkan status yang sama melalui kajian berkala.

Jelas Arthur, pencapaian ini menyerlahkan potensi besar sumber hutan Sabah sebagai pemacu ekonomi melalui ekopelancongan, penyelidikan dan pemerksaan komuniti setempat.

Selaras dengan tema "Hutan dan Ekonomi", pengiktirafan global tersebut memperkukuh komitmen Sabah dalam memastikan khazanah biodiversiti terus dilindungi sambil menjana pertumbuhan ekonomi yang lestari.

Malaysia menetapkan bahawa litupan kawasan berhutan dan pokok-pokok di negara ini mesti kekal pada kadar 50 peratus berbanding dengan keluasan tanah.

Berdasarkan statistik dibentangkan NRES dalam Mesyuarat Jemaah Menteri pada 8 April 2026, Malaysia masih mengekalkan komitmen itu dengan kawasan berhutan adalah seluas 54.4 peratus daripada keluasan tanah negara.

Sabah pula merekodkan kawasan berhutan seluas 62.53 peratus daripada keluasan tanah negeri.

**KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM**  
**23 MEI 2026**



---

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES)  
Tel. : 03-8000 8000 | Faks : 03-8889 4763

 nresmalaysia